Latihan 4

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Mak Cik Tan pergi ke kedai runcit itu untuk membeli sedikit barang _____.

A keperluan
B diperlukan
C seperlunya
D memerlukan

2 Nenek _____ kakak rendang ayam yang sedap.

A dimasak
B masakan
C memasak
D memasakkan

3 Kawasan itu _____ dengan tujuan untuk membina sebuah taman permainan.

A merata
B kerataan
C diratakan
D meratakan

4 _____ syarikat antarabangsa itu diuruskan oleh seorang pengarah yang berpengalaman.

A Pentadbir
B Mentadbir
C Pentadbiran
D Mentadbirkan

5 Hong menghantar mesejnya kepada saya _____ e-mel.

A terusan
B menerusi
C berterusan
D meneruskan

Soalan 6 *berdasarkan gambar di bawah.*



6 Kemalangan sering berlaku di _____ jalan itu sejak kebelakangan ini.

A bersimpang
B menyimpang
C persimpangan
D penyimpangan

7 Kita perlulah pandai _____ diri ketika berada di rantau orang.

A tersesuai
B kesesuaian
C bersesuaian
D menyesuaikan

8 Kita tidak digalakkan berbelanja secara _____.

A selebih
B melebihi
C kelebihan
D berlebihan

9 _____nya tetap teguh walaupun dipertikaikan oleh banyak pihak.

A Berdiri
B Didirikan
C Pendirian
D Mendirikan

Scanned with CamScanner
LIVEWORKSHEETS